



Majlis KONVOKESYEN ke **26** KOLEJ TEKNOLOGI YAYASAN SABAH



BUKU PANDUAN DAN MAKLUMAT KONVOKESYEN GRADUAN

Tarikh : 10 Oktober 2023 (Selasa)
Tempat : Sabah International Convention Center (SICC)
Masa : 7:00 pagi hingga 12:00 tengahari

1.0 PERATURAN AM

1.1 Graduan

- Istiadat Konvokesyen KTYS ke-26 akan diadakan pada 10 Oktober 2023.
- Graduan DIMESTIKAN membuat PENGESAHAN KEHADIRAN melalui Portal rasmi Konvokesyen di laman sesawang Konvokesyen KTYS selewat-lewatnya TIGA (3) hari sebelum Istiadat Konvokesyen yang telah ditetapkan oleh Kolej.
- Caj bagi Yuran konvokesyen akan dikenakan ke atas setiap graduan yang hadir.
- Graduan DIMESTIKAN menyelesaikan semua hutang pengajian dan apa-apa bayaran yang berkaitan termasuk yuran konvokesyen melalui mana-mana satu kaedah pembayaran yang dinyatakan di bawah:

KAUNTER UNIT PUNGUTAN	Tunai / Cek (KKYS SDN BHD) Debit / Kad Kredit (Visa/ Mastercard)
BANK	Alliance Bank Berhad : 101960010094360 Bank Simpanan Nasional : 12100-41-00020461-8 Bank Islam Malaysia Berhad : 10016010077490 CIMB Islamic Bank Berhad : 86-0140075-9
JomPAY	Biller Code : 6767 Ref - 1 : Nombor Kad Pengenalan Pelajar Ref - 2 : Nombor Telefon Pelajar
DIRECT DEBIT	Payment to : KKYS SDN BHD

1.2 Ibubapa/ Tetamu

- Seorang graduan hanya dibenarkan membawa dua (2) orang tetamu sahaja.
- Ibubapa/ tetamu dimestikan berpakaian kemas dan tertib bersesuaian untuk majlis rasmi.
- Ibubapa/ tetamu mestilah berumur tidak kurang dari dua belas (12) tahun. Tetamu yang berumur di bawah 12 tahun TIDAK DIBENARKAN masuk ke dalam Dewan Konvokesyen.
- Ibu bapa/ tetamu diminta supaya mengambil tempat duduk masing-masing sebelum jam 8:00 pagi.
- Semasa majlis sedang berlangsung, ibu bapa/ tetamu diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising serta tidak meninggalkan dewan semasa majlis sedang berjalan.
- Pas Masuk adalah terhad kepada 2 Orang Tetamu Sahaja bagi setiap graduan dan penginapan untuk graduan serta ibubapa/ tetamu tidak disediakan..
 - ❖ Sila Bawa PAS MASUK Untuk Masuk Dewan
 - ❖ Kad Perlu Ditunjukkan Di Pintu Masuk Dewan

1.3 Peraturan Penyewaan Jubah Konvokesyen

- Graduan dikehendaki menyediakan RM100.00 untuk deposit peminjaman jubah konvokesyen. Deposit tersebut akan dikembalikan kepada graduan sewaktu jubah dipulangkan pada masa yang ditetapkan iaitu pada majlis konvokesyen selesai.
- Graduan yang gagal memulangkan jubah pada yang ditetapkan akan dikenakan DENDA RM100.00 sehari.
- Graduan dikehendaki mengambil pakaian yang dinyatakan di bawah dengan mengemukakan Kad Pengenalan serta resit pembayaran Konvokesyen.

TARIKH : 9 OKTOBER 2023 (ISNIN)
MASA : 11:00 PAGI - 2:00 PETANG
TEMPAT : RUANG LEGAR DEWAN SIPADAN,
TINGKAT 4,
SABAH INTERNATIONAL CONVENTION CENTER (SICC),
KOTA KINABALU, SABAH.

KURSUS	GRADUAN LELAKI DAN WANITA
(a) Diploma	<ul style="list-style-type: none">• Jubah• Mortar Board• Hood - Warna Hood mengikut program
(b) Sijil	<ul style="list-style-type: none">• Jubah• Songkok (Graduan Lelaki)• Hood - Warna Hood mengikut program

2.0 ETIKA PAKAIAN

2.1 Graduan Lelaki

- Wajib berpakaian formal (kemeja berkolar dan berlengan panjang hendaklah dibutangkan. Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam (tuck-in) dan lengan tidak dilipat)
- Memakai tali leher yang bersesuaian dengan warna baju.
- Memakai seluar panjang berwarna gelap iaitu hitam, biru tua atau coklat gelap (Jeans adalah tidak dibenarkan).
- Kasut formal kulit/ pvc atau setara. Kasut mestilah bertutup berwarna gelap dan memakai stokin sepadan dengan seluar atau kasut.
- Graduan yang berambut panjang atau diwarnakan DILARANG menyertai majlis konvokesyen.
- Graduan tidak dibenarkan memakai tali bow (Bow Tie).
- Graduan Sijil Kemahiran diwajibkan memakai songkok hitam.

2.2 Graduan Wanita

- Baju kurung atau pakaian labuh dan berwarna bebas. Kadar labuh ialah sehingga ke bahagian buku lali (ankle). Pakaian tersebut hendaklah berlengan panjang hingga ke pergelangan tangan dan tanpa belahan di bahagian kaki. Pakaian menggunakan fabrik jarang adalah TIDAK DIBENARKAN.
- Baju hendaklah ditutup hingga ke pangkal leher di bahagian hadapan dan belakang.
- Pakaian fesyen berseluar adalah TIDAK DIBENARKAN.
- Bagi graduan yang bertudung, tudung yang dibenarkan adalah tidak bercorak dan tidak bermanik.
- Bagi tujuan keselamatan, graduan wanita tidak dibenarkan memakai pakaian yang menutup muka.
- Warna rambut graduan hendaklah tidak terlalu terang.

2.3 Tetamu Lelaki

- Kebangsaan; atau
- Batik; atau
- Lounge Suit; atau
- Pakaian Rasmi yang sesuai (Seluar Jeans, seluar pendek dan kemeja-T (TIDAK DIBENARKAN)).

2.4 Tetamu Wanita

- Kebangsaan; atau
- Pakaian rasmi atau pakaian sopan (Pakaian gaun atau 'skirt' melebihi paras lutut, 'blouse' tanpa lengan, kemeja-T, seluar jeans dan seluar pendek adalah TIDAK DIBENARKAN).

ETIKA PAKAIAN GRADUAN DAN TETAMU

BAJU MELAYU HITAM
LOUNGE SUIT BERWARNA GELAP
BERSAMPING GELAP
KASUT KULIT HITAM DAN STOKING BERWARNA HITAM

RAMBUT HENDAKLAH PENDEK DAN KEMAS, TIDAK MENJEJAKI KOLAR BAJU

TIDAK DIBENARKAN
 SELUAR JEANS, SELUAR PENDEK, KEMEJA-T DAN SELIPAR / CAPAL, SKIRT SINGKAT/ BERBELAH, BLOUSE TANPA LENGAN DAN PARIO.
 *GRADUAN/ TETAMU JEMPUTAN DILARANG MASUK KE DEWAN SEKIRANYA TIDAK MEMATUHI KOD PAKAIAN YANG DINYATAKAN.

GRADUAN YANG MENGANDUNG BOLEH MEMAKAI PAKAIAN YANG BERSEBUAH. SELUAR PANJANG TIDAK DIBENARKAN
SARUNG KEBAYA TANPA MENGGUNAKAN BELAH (SLIT) DI TEPI TETAPI BOLEH MEMAKAI LIPATAN (PLEAT) DI BAHAGIAN HADAPAN
KAIN LACE BOLEH DIPAKAI DENGAN SYARAT ADA LINING/ALAS
KASUT BERTUMIT TIDAK MELEBIHI 2 INCI
BAJU KURUNG MODEN/LABUH ATAU KEBAYA BANDUNG/LABUH
KASUT FORMAL BERWARNA GELAP DAN BERTUTUP DI BAHAGIAN HADAPAN

TIDAK DIBENARKAN
 SELUAR JEANS, SELUAR PENDEK, KEMEJA-T DAN SELIPAR / CAPAL, SKIRT SINGKAT/ BERBELAH, BLOUSE TANPA LENGAN DAN PARIO.
 *GRADUAN/ TETAMU JEMPUTAN DILARANG MASUK KE DEWAN SEKIRANYA TIDAK MEMATUHI KOD PAKAIAN YANG DINYATAKAN.

3.0 SEMASA ISTIADAT KONVOKESYEN

3.1 Pendaftaran

- Graduan perlu mengimbas Kod QR yang dipamerkan di sekitar kawasan Ruang Legar Dewan Konvokesyen bagi mengesahkan kehadiran pada hari tersebut.
- Graduan dimestikan hadir 30 minit sebelum kaunter pendaftaran dibuka dengan membawa Kad Pengenalan, surat jemputan graduan dan dan bukti imbasan Kod QR sebelum menuntut Kad RFID di kaunter pendaftaran.
- Sesi pendaftaran akan dibuka pada ketetapan seperti berikut :

TARIKH : 10 Oktober 2023
MASA : 7.00 pagi - 8.00 pagi
TEMPAT : Ruang Legar Dewan Sipadan,
Tingkat 4, Sabah International Convention Center (SICC)

- Graduan yang hadir lewat dari tempoh masa pendaftaran yang telah ditetapkan tidak akan dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen KTYS.
- Graduan DIMESTIKAN memakai set pakaian konvokesyen lengkap sebelum membuat pendaftaran.
- Ibu/ bapa/ pengiring adalah TIDAK DIBENARKAN mengiringi graduan ketika berurusan di kaunter pendaftaran.
- Graduan yang telah mendaftar dikehendaki berbaris di ruang legar mengikut susunan yang ditetapkan sebelum masuk ke Dewan Konvokesyen.
- Graduan DILARANG membawa masuk barang-barang persendirian (beg tangan, kamera, telefon bimbit, tablet atau pelbagai peralatan teknologi maklumat (gadjet) dan makanan serta minuman. KOLEJ berhak menahan barang-barang tersebut dan tidak bertanggungjawab keatas keselamatan barang-barang persendirian tersebut.
- Ketika majlis sedang berlangsung, graduan dan para jemputan hendaklah menghormati keharmonian perjalanan majlis dengan tidak membuat bising dan terus berada di tempat duduk sepanjang majlis.
- Graduan dilarang meninggalkan dewan semasa majlis sedang berjalan.
- Kolej berhak menahan atau melarang graduan yang tidak mendaftar daripada menyertai majlis.

3.2 Kad Barisan

- 'Kad Nama' yang mengandungi Nama Pelajar/ Kursus akan diberikan kepada graduan semasa pendaftaran bagi tujuan memudahkan graduan berbaris mengikut giliran. Sila ikut arahan yang diberikan oleh pegawai dan staf yang bertugas.

3.3 Mengambil Gambar

- Perkhidmatan mengambil gambar Graduan semasa majlis konvokesyen. Ibumama/ Tetamu dan Graduan tidak dibenarkan mengambil gambar semasa majlis sedang berjalan.

3.4 Kuasa Kolej Teknologi Yayasan Sabah (KTYS)

- Kolej berhak menahan Sijil dan Transkrip graduan serta menghalang graduan daripada menyertai Majlis Konvokesyen ini secara serta merta sekiranya didapati tidak mematuhi mana-mana peraturan yang dinyatakan di dalam Buku Peraturan Konvokesyen KTYS Kali Ke-26.

3.5 Hal-hal Lain

- Untuk pertanyaan atau bantuan lanjut, sila hubungi Pegawai yang bertanggungjawab seperti yang disenaraikan di bawah:

Hal Ehwal Penganugerahan	088 - 239 691
Kajian Pengesanan Graduan	088 - 239 691
Yuran Konvokesyen	010 - 661 4156
Urusan Pengambilan Jubah	088 - 239 637
Talian Am	088 - 239 639

- Berikut adalah jadual serahan Pas Masuk Majlis Konvokesyen KTYS Kali Ke-26 kepada graduan:

TARIKH : 9 Oktober 2023
MASA : 8.00 pagi - 11.00 pagi
TEMPAT : Ruang Legar Dewan Sipadan,
Tingkat 4, Sabah International Convention Center (SICC)

****Ibu/ Bapa/ Tetamu yang tidak menunjukkan Pas Masuk
TIDAK DIBENARKAN untuk masuk ke dalam Dewan semasa
Majlis Konvokesyen KTYS Ke-26 berlangsung**

KOLEJ TEKNOLOGI
YAYASAN SABAH

4.0 SELEPAS ISTIADAT KONVOKESYEN

4.1 Pemulangan Jubah Konvokesyen

- Graduan yang **LEWAT** mengembalikan Jubah konvokesyen akan dikenakan **DENDA SEBANYAK RM100/ HARI**.
- Kaunter pemulangan Jubah konvokesyen akan dibuka mengikut ketetapan seperti berikut:

TARIKH : 10 Oktober 2023
MASA : 12.00 tengahari - 3.00 petang
TEMPAT : Ruang Legar Dewan Sipadan,
Tingkat 4, Sabah International Convention Center (SICC)

4.2 Tuntutan Skrol dan Transkrip

- Graduan boleh menuntut Sijil Skrol dan Transkrip masing-masing mengikut ketetapan seperti berikut:

TARIKH : 16 Oktober 2023
MASA : 8.00 pagi - 4.30 petang
TEMPAT : Jabatan Perkhidmatan Akademik dan Kemahiran,
Kolej Teknologi Yayasan Sabah,
City Campus, Sembulan,
Kota Kinabalu, Sabah

**** Tuntutan Sijil Skrol dan Transkrip adalah terakluk kepada status pembayaran yuran pengajian graduan. Sijil Skrol dan Transkrip graduan yang masih mempunyai tunggakan yuran **TIDAK AKAN DISERAHKAN** sehingga tunggakan tersebut diselesaikan.**

4.3 Tuntutan Gambar konvokesyen

- Tarikh bagi tuntutan gambar graduan semasa hari konvokesyen akan dimaklumkan oleh Pegawai Seksyen Penganugerahan dan Pengiktirafan, Jabatan Perkhidmatan Akademik dan Kemahiran dari semasa ke semasa melalui Kumpulan Whatsapp Graduan Konvokesyen KTYS Ke-26. Graduan diminta untuk terus berada di dalam kumpulan tersebut sehingga pengumuman urusan berkaitan Konvokesyen KTYS Kali Ke-26 selesai.